



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	9/1/2020	MUKA SURAT	:	31
JABATAN	:	JPSM			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Bantah projek ladang hutan



Bantahan terhadap pelaksanaan pembangunan ladang hutan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal oleh masyarakat orang asli di hadapan Bangunan Perak Darul Ridzuan semalam.

NGO, orang asli hantar memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Perak

Oleh NORMAWATI ADNAN

IPOH

Sahabat Alam Malaysia (SAM) dan Persatuan Aktivis Sahabat Alam (Kuasa) bersama sekumpulan masyarakat orang asli semalam menghantar memorandum kepada Pejabat Menteri Besar Perak membantah pembangunan ladang hutan dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal di negeri ini yang antara lainnya bagi tanaman spesies musang king.

Bantahan itu dikemukakan lebih 1,500 penduduk dari 15 kampung orang asli di daerah Kinta, Simpang Pulai dan Sungai Siput yang dikhuatiri terjejas dengan pembangunan berkenaan.

Penyelidik Lapangan SAM, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata,

antara lokasi pembangunan yang dicadangkan iaitu di Hutan Simpan Bukit Kinta, Hutan Simpan Korbu dan Hutan Simpan Piah merupakan kawasan melibatkan penempatan orang asli mendapatkan hasil hutan.

Menurutnya, selain memusnahkan liputan hutan asal, kaedah pengusahasilan secara tebang habis ditambah dengan penyediaan tapak tidak terkawal dibimbangi memberi impak kepada hidrologi hutan secara keseluruhan.

“Ini belum mengambil kira kesan permukaan tanah terdedah yang akan menyebabkan lebih air larian permukaan, hakisan lereng bukit, kerosakan struktur sungai dan kemerosotan kualiti air yang memberi kesan langsung kepada masyarakat orang asli.

“Jadi kami berpendirian membantah pelaksanaan pembangunan ini dan berharap pihak berkuasa negeri tidak meneruskan dasar serta meluluskan projek ini pada skala yang besar,” katanya.

Beliau berkata, berdasarkan pemerhatian sebelum ini, kebanyakan pembangunan ladang hutan dilakukan tanpa kawalan walaupun pihak berkuasa ne-

geri mengakui mempunyai prosedur operasi standard yang diluluskan.

Katanya, seperti di Hutan Simpan Bintang Hijau dan Hutan Simpan Kenderong yang terletak di Banjaran Bintang Hijau dicadangkan bagi ladang durian spesies musang king sedangkan kawasan itu sebahagian rangkaian yang dikenalpasti sebagai koridor dan laluan hidupan liar.

“Kita harap pihak berkuasa negeri mematuhi dan menggunakan pelan Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Pelan Induk CFS dalam menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada,” katanya.

Memorandum berkenaan diserahkan kepada Pegawai Khas Menteri Besar, Mohd Jaffrey Mohd Zainol di hadapan Bangunan Perak Darul Ridzuan di sini semalam.

Turut hadir, Pengerusi Kuasa Perak, Mohamad Hafizudin Mohd Nasarudin bersama hampir 50 komuniti orang asli antaranya dari Kampung Kerawat, Kampung Pergom, Kampung Juang, Kampung Senju, Kampung Pawong dan Kampung Jantung Baru.